

26 AUG 1998

NAM-Malaysia

DR MAHATHIR AKAN KE SIDANG KEMUNCAK NAM DI DURBAN

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang ke-12 selama dua hari di Durban, Afrika Selatan mulai 2 Sept ini bersama 112 pemimpin negara anggota yang lain.

Beliau akan diiringi oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pegawai-pegawai kanan Wisma Putra, Jabatan Perdana Menteri dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Pretoria.

Menurut satu kenyataan Wisma Putra di sini, sidang kemuncak Durban akan meninjau situasi antarabangsa, kaitannya dengan pencapaian NAM bagi membolehkannya mengatur strategi-strategi untuk menghadapi cabaran-cabaran alaf akan datang.

NAM ditubuhkan pada tahun 1961 pada Sidang Kemuncak Belgrade, selepas Persidangan Afro-Asia di Bandung, Indonesia pada tahun 1955. Penubuhan NAM bertolak daripada nyah penjajahan selepas perang dan reaksi dunia ketiga kepada permusuhan kuasa besar Amerika Syarikat/Soviet.

Sidang kemuncak NAM diadakan tiga tahun sekali dan yang baru lepas ialah di Cartagena, Colombia pada tahun 1995.

Para ketua negara dan kerajaan NAM juga akan mengkaji semula aktiviti kerjasama mereka dalam bidang-bidang politik, ekonomi dan sosial bertujuan mencapai permuafakatan dan kesependapatan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan badan-badan antarabangsa yang lain.

Sidang kemuncak itu dijangka membincangkan isu-isu seperti peranan NAM, reformasi PBB, pelucutan senjata dan keselamatan antarabangsa, proses damai Timur Tengah, Semenanjung Korea, situasi di Afrika, krisis kewangan yang melanda sesetengah negara anggota, globalisasi dan risikonya terhadap negara-negara membangun, kawalan dadah antarabangsa, hal ehwal wanita dan hak asasi manusia.

Ia juga akan memberi peluang kepada Malaysia untuk bertukar pendapat mengenai isu-isu bersama dengan anggota-anggota NAM yang lain dan memaklumkan kepada mereka pendirian Malaysia terhadap beberapa isu antarabangsa, termasuk krisis ekonomi dan kewangan semasa, kata kenyataan itu.

Pada sidang kemuncak itu nanti, Afrika Selatan akan mengambil alih sebagai pengerusi daripada Colombia mulai 29 Ogos.

Selain dari negara-negara anggota NAM, 18 negara pemerhati dijangka turut hadir pada sidang kemuncak Durban itu. Sebanyak 27 negara lagi dijangka hadir sebagai tetamu.

Sidang kemuncak itu akan didahului dengan mesyuarat pegawai-pegawai kanan mulai 29 hingga 30 Ogos diikuti dengan mesyuarat para menteri luar mulai 31 Ogos hingga 1 September.

--BERNAMA

RAZ WAT